

Ucapan Tuan Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Seberang Perai
Kursus Induksi Ahli Majlis bagi tahun 2014
28 Februari 2014
Auditorium MPSP

.....

Yang Dihormati Ahli Majlis- Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Haji Rozali bin Hj Mohamud,
Tuan Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berbahagia Dato' Dr Goh Ban Lee
Senior Research Fellow di Penang Institute

Ketua-Ketua Jabatan dan para hadirin yang saya hormati sekalian

.....

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan syukur kepada Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, dapat kita berkumpul dalam majlis pada hari ini.

Mengambil kesempatan pada majlis pagi ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Majlis-Ahli Majlis yang telah memberikan perkhidmatan dan kerjasama sepanjang dua bulan ini. Bagi memantapkan lagi kerjasama dan

pemahaman berkaitan pentadbiran di MPSP ini, maka tuan-tuan dan puan-puan dijemput untuk menghadiri Induksi pada hari ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Tugas yang digalas oleh tuan-tuan dan puan-puan sebagai Ahli Majlis bukanlah suatu tugas mudah. Setiap jawatan yang kita pegang datang bersama tanggungjawab yang berat.

Tujuan Induksi ini adalah untuk :

- i. Memberi dan menambah pengetahuan kepada Ahli Majlis MPSP yang baru dilantik dan sebagai peringatan semula (refresh) kepada Ahli Majlis MPSP yang dilantik semula.
- ii. Menambah pengetahuan dan pemahaman berkaitan peranan dan fungsi Ahli Majlis di dalam Pihak Berkuasa Tempatan.
- iii. Memberikan pendedahan mengenai Akta, Undang-undang prosedur dan peraturan yang digunapakai di MPSP.
- iv. Induksi ini adalah merupakan acara tahunan yang diadakan setiap kali perlantikan Ahli Majlis diadakan.

Induksi kita pada hari ini akan diisi dengan:

- i. Taklimat berkaitan Perundangan yang dilaksanakan di MPSP sebagai panduan dalam melaksanakan dan menguruskan satu Pihak Berkuasa Tempatan iaitu MPSP.

- ii. Taklimat Khas daripada Dato' Dr Goh Ban Lee berkaitan Peranan dan Fungsi Ahli Majlis Di Pihak Berkuasa Tempatan.

Induksi ini juga sebagai penambahbaikan dari segi pengetahuan dan pelaksanaan dalam menguruskan sebuah PBT yang besar seperti MPSP. Induksi ini juga sesuai untuk pegawai-pegawai MPSP.

Semoga dengan kursus ini, tuan-tuan dan puan-puan akan lebih memahami tugas dan tanggungjawab masing-masing di MPSP dan dapat mengaplikasikannya. Tuan-Tuan dan Puan-Puan juga akan lebih mudah untuk memberi maklumat yang tepat kepada penduduk Seberang Perai sekaligus dapat membantu pihak pengurusan MPSP dalam meningkatkan mutu perkhidmatan yang disediakan oleh MPSP kepada warga Seberang Perai.

Sekian, terima kasih.